



PP/BK/KKP/PKKMB-00

PERATURAN KHUSUS KESELAMATAN MAKMAL / BENGKEL UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PERATURAN AM MENGGUNAKAN MAKMAL KOMPUTER

Fakulti / Jabatan : FSKTM & PTM
Makmal / Bengkel : MAKMAL KOMPUTER

Pengenalan

Sejajar dengan peruntukan Seksyen 16, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994(Akta 514), adalah menjadi tanggung jawab setiap Pusat Tanggung Jawab (PTJ) bagi mewujudkan satu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berterusan dan teratur selaras dengan kehendak undang-undang negara. Ia adalah selari dengan penyediaan kawasan dan suasana kerja yang selamat, sihat dan sejahtera serta peralatan-peralatan keselamatan yang sesuai dan mencukupi supaya tidak menimbulkan bencana keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Tujuan

Peraturan am keselamatan makmal diadakan bertujuan untuk:

- 2.1 Menjamin kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam makmal.
- 2.2 Meminimumkan risiko kecederaan dan kerosakan
- 2.3 Melindungi bangunan dan harta benda dari kebakaran/kerosakan.
- 2.4 Mengelakkan berlakunya pembaziran.
- 2.5 Mewujudkan suasana yang kondusif.
- 2.6 Panduan untuk penggunaan ramai.

Peraturan Am

1. Beg hendaklah ditinggalkan di luar makmal komputer.
2. Makanan dan minuman mestilah ditinggalkan di luar makmal komputer.
3. Dilarang membuat bising semasa menggunakan makmal komputer.
4. Pengguna dilarang mengusik sebarang sambungan wayar pada komputer atau membuat sebarang pengubahsuaian atau cuba membaiki sendiri sebarang kerosakan.
5. Dilarang mengubah atau membuat sebarang installasi perisian tanpa pengetahuan juruteknik.
6. Pengguna dilarang melayari internet yang tidak bermoral atau menyentuh sensitiviti masyarakat, kaum dan negara.
7. Semua hasil kerja hendaklah disimpan di dalam storan pengguna sendiri seperti *pendrive* dan *external hard disk*.
8. Dilarang mengalih atau memindahkan sebarang peralatan atau perkakasan komputer tanpa kebenaran.
9. Semua suis peralatan yang digunakan perlu ditutup sebelum keluar dari makmal komputer.
10. Susun semula kerusi dengan kemas dan pastikan tiada sampah yang ditinggalkan sebelum keluar dari makmal komputer.
11. Laporkan setiap masalah kerosakan atau kehilangan terhadap semua peralatan perkakasan dan perisian kepada juruteknik makmal.
12. Pastikan pintu makmal komputer sentiasa ditutup.